



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA
MANUSKRIP MELAYU 2024
KITAB TIB: 1001 RAHSIA
ILMU PERUBATAN TRADISIONAL**

24 SEPTEMBER 2024 (SELASA)

9.00 PAGI

**BALAI BUDAYA TUN SYED NASIR
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam hormat dari YB Menteri Perpaduan Negara yang tidak dapat bersama kita pada hari ini atas urusan rasmi yang lain. Oleh itu, saya akan membacakan ucapan perasmian YB Menteri.
2. Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang telah berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu bagi kali ke-7 pada tahun 2024 dengan tema “Kitab Tib: 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional”.
3. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua rakan strategik PNM iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN) dan Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD) yang telah banyak membantu dalam menjayakan persidangan pada kali ini.

4. Menjadi harapan saya agar persidangan ini menjadi wahana perkongsian ilmu yang berprestij serta dapat meningkatkan pengetahuan dan apresiasi masyarakat terhadap manuskrip-manuskrip Melayu, khazanah warisan intelek negara yang tinggi nilai ilmunya.

PERANAN PNM DALAM MEMPROMOSIKAN MANUSKRIP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Penganjuran persidangan ini adalah bertepatan dengan inisiatif untuk mempromosikan kesedaran tentang warisan budaya kita, termasuklah manuskrip Melayu, bagi menyemarakkan semangat kenegaraan dalam kalangan masyarakat.
6. Untuk makluman para hadirin, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang juga merupakan sebuah Jabatan di bawah KPN memainkan peranan penting dalam tadbir urus, pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip Melayu serta menjadi pusat repositori manuskrip Melayu yang terbesar di rantau ini dengan jumlah koleksi sebanyak 5,252 judul.
7. Kementerian menerusi Perpustakaan Negara Malaysia mengerak dan melaksanakan pelbagai inisiatif program dan aktiviti termasuk inisiatif persepakatan pintar dengan pelbagai

pihak demi memartabat dan melestarikan manuskrip Melayu dan antaranya seperti berikut:

- Projek Pengesanan Manuskrip Melayu di dalam dan luar negara;
- Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu;
- Program Pensijilan Profesional Konservasi Manuskrip Melayu
- Projek Transliterasi Kitab Tib-Projek Pendokumentasian Pengetahuan Tradisi Melayu 2023/2024 bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM);
- Pendigitalan Koleksi Khazanah Warisan Negara;
- Projek Penyelidikan Manuskrip Melayu; dan
- Tinjauan/Survey Taburan Pemetaan Manuskrip Melayu.

**KITAB TIB SIMBOL KEINTELEKTUALAN DAN
KETAMADUNAN BANGSA**

8. **Kitab tib atau dikenali sebagai “kitab ubat” atau “kitab perubatan” merupakan satu warisan budaya yang penting dalam mencerminkan kehebatan ilmu pengetahuan serta tradisi perubatan Melayu yang telah diwarisi sejak turun-temurun.**

9. Kebanyakan kitab tib yang ditemui pada hari ini ditulis sekitar abad ke-19 dan 20M. Penulisan ilmu Tib Melayu tidak hanya berbentuk secara khusus tetapi wujud dalam pelbagai genre seperti sastera hikayat dan bidang ilmu ketatanegaraan seperti Sejarah Melayu dan Hukum Kanun Melaka.
10. Kita tib bukan sahaja boleh ditemui di Malaysia malah naskhah ilmu perubatan tradisional ini turut terdapat di negara-negara lain seperti di Leiden, Belanda, United Kingdom, Perancis, Indonesia, Sri Lanka dan beberapa negara Eropah yang lain. Ini membuktikan bahawa bidang ilmu ini cukup dominan dan dipelajari serta disebarluaskan dengan meluas pada suatu ketika dahulu.
11. Hari ini, kita akan menyaksikan **PNM mengambil inisiatif dengan menyediakan penerbitan Bibliografi Kitab Tib Beranotasi secara dalam talian yang mengandungi 112 deskripsi kitab tib koleksi PNM serta maklumat-maklumat lain yang boleh dijadikan sumber rujukan bagi tujuan kajian dan penyelidikan.**
12. Selain itu, **PNM juga giat menjalankan kajian dan transliterasi iaitu proses alih aksara tulisan Jawi ke tulisan Rumi**, di mana sejak 2013 PNM telah terlibat dalam Projek Pendokumentasian Secara Komprehensif

Pengetahuan Tradisi Melayu berkaitan Tumbuhan Ubatan di Semenanjung Malaysia iaitu sebuah projek inisiatif Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Sebanyak 4 buah kitab tib koleksi PNM telah ditransliterasi dan diterbitkan, manakala sebuah lagi kitab tib koleksi PNM akan ditransliterasi pada tahun ini.

13. **Pada tahun 2012, dua buah kitab tib koleksi PNM telah didaftarkan sebagai warisan kebangsaan objek tidak ketara di bawah kategori warisan bahasa dan persuratan oleh Jabatan Warisan Negara.** PNM juga turut mengangkat kitab tib (MSS 1292) ke peringkat antarabangsa dalam pencalonan Program *Memory of the World* UNESCO pada tahun 2023. Semoga pencalonan ini membawa hasil dan manuskrip Melayu kitab tib akan dimartabatkan sebagai warisan dunia, sama-sama kita doakan.

PENUTUP

24. Saya berharap agar persidangan ini dapat menjadi satu wadah dalam memangkinkan perkembangan perubatan tradisional Melayu khususnya, agar lebih mendapat pengiktirafan dan berupaya menjadi satu cabang amalan perubatan, penyelidikan dan penyebaran ilmu yang lebih meluas tanpa mengira sempadan negara, kaum dan budaya.

25. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada PNM, rakan kerjasama, para peserta persidangan dan semua yang terlibat dalam penganjuran persidangan ini. Dengan rasa sukacitanya saya merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) bagi tahun 2024.